



## SIARAN AKHBAR

### KERJASAMA SME CORP. MALAYSIA DAN RAM RATINGS MANFAATKAN PMKS MEMPEROLEH PEMBIAYAAN LEBIH BESAR

**KUALA LUMPUR, 29 Mei 2024** – SME Corp. Malaysia dengan sokongan RAM Rating Services Berhad, hari ini telah menganjurkan jaringan kerjasama untuk Alumni Enterprise 50 (E50). Dengan tema "Mewujudkan Peluang Pembiayaan Lebih Besar", acara ini menghimpunkan lebih 100 Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan pembiaya daripada bank-bank tempatan termasuk P2P, untuk mempermudah akses kepada pembiayaan dan perkongsian pengetahuan.

Sehingga kini, syarikat yang telah diiktiraf di bawah Program Anugerah E50 atau Alumni E50 ini telah mengumpulkan hampir 800 PMKS merentasi semua sektor ekonomi di negara ini. Sejak diperkenalkan pada tahun 1997, Anugerah E50 telah mendapat pengiktirafan industri sejak dua (2) dekad yang lalu sebagai salah satu platform anugerah yang menjadi rebutan dan berkredibiliti serta melambangkan pencapaian dalam perniagaan dan bidang keusahawanan. Memasuki tahun ke-24 penganjurannya, Anugerah ini telah berjaya mempromosi dan mengenengahkan PMKS yang paling berdaya saing dan berdaya tahan, mampu menghadapi cabaran global dalam semangat keusahawanan sebenar sekaligus meningkatkan kebolehlihatan syarikat.

YBrs. Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, dalam ucapan aluannya berkata, "Kerajaan sememangnya mengiktiraf kepentingan PMKS dan aspek pembangunan keusahawanan dalam melahirkan PMKS yang berdaya saing di peringkat global dan usahawan tempatan yang dinamik. Justeru, kami akan terus melaksanakan strategi yang berkesan dan menjalin kerjasama strategik dengan rakan kerjasama seperti RAM Rating Services Berhad, untuk meningkatkan pertumbuhan usahawan tempatan dan membangunkan ekosistem yang kondusif untuk PMKS". Menurut beliau lagi, melalui kerjasama strategik ini, SME Corp. Malaysia telah dapat mempergiat jangkauan kepada PMKS di Malaysia, seterusnya

memastikan kejayaan berterusan Anugerah E50 dan meningkatkan impaknya kepada PMKS saban tahun.

Sementara itu, Cik Julie Ng, Ketua Pegawai Eksekutif RAM Rating Services Berhad pula menyatakan, "Kami teruja untuk terus menyokong perkongsian strategik bersama SME Corp. Malaysia untuk Anugerah E50, di mana kami menyediakan penilaian kredit secara bebas kepada Alumni E50 melalui perkhidmatan RAM CreditSCAN. Laporan daripada RAM Rating ini memberikan gambaran yang jelas tentang perniagaan dan kedudukan kewangan, merapatkan jurang maklumat dan seterusnya membantu mempromosikan akses kepada pembiayaan".

RAM Rating juga telah berkongsi pandangan terhadap prospek ekonomi Malaysia semasa acara tersebut. Komuniti perniagaan boleh menjangkakan pertumbuhan pada 2024, yang diunjurkan mencecah 4.5%-5.5% berbanding 3.6% tahun lalu. Risiko utama termasuk kenaikan harga kesan daripada pelarasan semula dasar, konflik geopolitik yang semakin buruk dan limpahan daripada ketidaktentuan pasaran kewangan semasa. Dua (2) platform penubuhan dana - BR Capital dan pitchIN, berkongsi pandangan mereka mengenai trend dan peluang mengumpul dana. Beberapa rakan strategik Anugerah E50 turut mengambil bahagian dalam acara ini dan memberikan taklimat mengenai perkhidmatan mereka, iaitu RHB Bank Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) dan Deloitte Malaysia. Di samping itu, reruai maklumat juga disediakan oleh pemain P2P yang mengambil bahagian seperti Nusa Kapital, Fundaztic, CoFundr, microLEAP, pitchIN dan BR Capital.

Acara ini adalah sebahagian daripada usaha SME Corp. Malaysia dan RAM Rating untuk menyokong pembangunan PMKS dalam mengharungi landskap perniagaan yang semakin mencabar. Untuk maklumat lanjut mengenai Program Anugerah E50, sila layari laman sesawang, [www.e50.com.my](http://www.e50.com.my) manakala bagi maklumat lanjut mengenai perkhidmatan RAM CreditSCAN, lawati pautan <https://analytics.ram.com.my/CreditScan>.

**- TAMAT -**

## **Tentang SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasian PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PMKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

## **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 603-9213 0077  
Faks : 603-2775 6001  
E-mel : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Laman sesawang: [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

**Pengarah**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)**  
**Tel : 03-2775 6290**  
**E-mel : [suraini@smecorp.gov.my](mailto:suraini@smecorp.gov.my)**